

Headline	Risau kesihatan bapa		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	20 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	20	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	97 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,582
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,747



Risau kesihatan bapa

Kelana Jaya: Di sebalik kegembiraan dan rasa syukur kerana impian bapanya untuk menunaikan ibadah haji menjadi kenyataan, jauh di hati seorang anak tetap berasa gusar untuk melepaskan bapanya berseorangan tanpa ditemani ahli keluarga ke Tanah Suci.

Kerisauan itu begitu dirasakan Abdul Rahim Abd Wahid, 46, memandangkan bapanya, Abd Wahid Sulaiman, 68, menghadapi masalah kesihatan seperti

kencing manis namun dia berharap pemergian bapanya ke Baitullah tidak berdepan masalah dan sentiasa dilindungi Allah.

“Alhamdulillah, ayah terpilih menjadi penerima Program Khas Haji 1434H/2013M anjuran Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

“Benarlah kata orang, rezeki Allah itu sememangnya tidak pernah diduga dan dirancang,” katanya di Kompleks Tabung Haji di sini.



ABD Wahid bersama cucunya di Kompleks Tabung Haji Kelana Jaya.